



TEKS UCAPAN

PERJUMPAAN YB MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR BERSAMA PENGURUSAN RISDA

**YB. DATUK DR. ABD. LATIFF BIN AHMAD
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH, IBU PEJABAT RISDA
15 JUN 2020 (ISNIN)
3.00 PETANG**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam Kasih Sayang**

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat RISDA ini bagi sama-sama menjayakan perjumpaan khas ini dalam

suasana Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19. Saya berharap kita semua sentiasa mengamalkan S.O.P yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia agar kita sama-sama menang melawan COVID-19 ini. InsyaAllah

2. Saya secara peribadi menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Pengurusan RISDA terutama kepada Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad, Ketua

Pengarah RISDA di atas kesudian menjemput saya untuk bersama-sama menyempurnakan acara pada hari ini.

3. Sesungguhnya majlis hari ini amat bermakna kerana inilah kali pertama saya selaku Menteri Pembangunan Luar Bandar hadir menyampaikan ucapan dan beramah mesra dengan seluruh warga RISDA. Saya pasti, kita bukan sahaja dapat mengeratkan lagi silaturrahim malah semua pihak membawa semangat

muhibbah, harmoni dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Dato'- Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

4. Sepertimana sedia maklum, RISDA merupakan antara agensi yang cemerlang dalam bidang perladangan getah dan sawit di negara ini. RISDA juga merupakan agensi yang amat dikenali dan sangat rapat dengan masyarakat luar Bandar.

Sesungguhnya, sumbangan dan pencapaian RISDA menerusi bidang perladangan dan juga dalam meningkatkan modal insan masyarakat pekebun kecil telah memberi manfaat yang besar kepada kesejahteraan pekebun bahkan juga Negara.

5. Saya pasti dengan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini, pelbagai kenikmatan dan kemudahan telah dikehapi oleh lebih 500 ribu orang pekebun kecil dan saya menaruh keyakinan, komitmen tersebut akan diteruskan oleh RISDA

dengan lebih agresif untuk memastikan pekebun kecil dinaiktaraf dari segala aspek memandangkan sumbangan mereka terhadap Negara amat-amat istimewa.

PRESTASI BAYARAN BANTUAN KHAS AIDILFITRI PEKEBUN KECIL

6. Sebagai tanda prihatin Kerajaan kepada pekebun kecil yang terkesan akibat pandemik COVID-19, baru-baru ini Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 87.5 juta kepada 291,904 orang

pekebun kecil yang berdaftar dengan RISDA di seluruh Negara. Bantuan yang dinamakan sebagai Bantuan Khas Hari Raya Aidilfitri 2020 COVID-19 (BKC 2020) bernilai RM300 seorang diberi secara one-off kepada pekebun kecil RISDA yang terjejas pendapatan mereka akibat penularan wabak COVID-19. Saya dimaklumkan bahawa RISDA telah berjaya melaksanakan bayaran sebanyak 72 % kepada pekebun kecil. Permohonan baru BKC 2020 ini juga masih dibuka kepada pekebun kecil yang layak sehingga 30 Jun 2020 ini.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada RISDA atas usaha membantu kerajaan menyampaikan bantuan ini.

BAYARAN DIVIDEN RTBB DAN TSK

7. Kebiasaan setiap tahun, RISDA turut membantu pekebun kecil melalui bayaran dividen Rancangan Tanaman Baharu Berkelompok (RTBB) dan Tanam Semula Komersial (TSK). Bagi tahun 2020, dividen sebanyak RM 42.7 juta dibayar kepada 31,436 orang pekebun kecil yang layak. Sebanyak RM 12.8 juta

daripada jumlah itu dibayar kepada 16,080 orang peserta Rancangan Tanaman Baharu Berkelompok (RTBB) dan RM 29.9 juta dibayar kepada 15,356 orang peserta Tanam Semula Komersial (TSK). Pembayaran ini secara tidak langsung meningkatkan keupayaan ekonomi kepada pekebun-pekebun kecil di waktu Perintah Kawalan Pergerakan dan di musim perayaan Aidil Fitri yang lalu.

Para hadirin sekalian,

PERSARAAN KETUA PENGARAH RISDA

8. Perjumpaan pada petang ini menjadi lebih bersejarah kerana kita turut meraikan YBhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad, Ketua Pengarah RISDA yang akan bersara daripada perkhidmatan awam. Saya difahamkan beliau telah berkhidmat selama 40 tahun, 6 bulan, 10 hari di RISDA dan telah menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang demi

pembangunan sektor pekebun kecil. Saya percaya, perkhidmatan, pengalaman dan jasa yang telah diberikan oleh YBhg. Dato' Wan akan terus menjadikan RISDA sebagai sebuah agensi Kerajaan yang dinamik, efektif dan berintergriti kepada rakyat.

PENUTUP

9. Mengakhiri ucapan, suka untuk saya menzahirkan jutaan terima kasih kepada pengurusan RISDA di atas penganjuran

majlis pada hari ini. Selamat bersara dan selamat maju jaya kepada YBhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad, Ketua Pengarah RISDA. Saya juga mendoakan agar RISDA terus memainkan peranan sebagai sebuah agensi yang sentiasa membela nasib pekebun kecil dan warga luar bandar. Marilah kita bersama menjalankan tugas dengan penuh tekun dan berdoa ke hadrat llahi agar wabak Covid-19 ini berakhir dengan segera.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin

Terima Kasih.